

**DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUANTAN
DALAM NEGERI PAHANG
GUAMAN SIVIL: CA-A73KJ-419-12/2023**

ANTARA

MUHAMMAD SHUKUR AMIRUL BIN

M SUHAIDY KAMRUL BARUL

[NO. KAD PENGENALAN: 011119-11-0551]

PLAINTIF

DAN

NORIZAN BIN MUSA

[NO. KAD PENGENALAN: 960606-02-6511]

...DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh Defendan terhadap keputusan Mahkamah ini yang telah membenarkan tuntutan Plaintiff sebanyak RM20,050.00. Kes ini telah didengar melalui perbicaraan penuh, di mana Plaintiff telah mengemukakan dua orang saksi, manakala Defendan mengemukakan satu orang saksi.

[2] Setelah meneliti dan mendengar keterangan saksi-saksi yang dipanggil, serta mengambil kira hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, Mahkamah atas imbalan kebarangkalian, memutuskan untuk membenarkan tuntutan Plaintiff. Alasan-alasan bagi keputusan ini akan diterangkan selanjutnya.



Latar Belakang Kes

[3] Plaintiff pada masa kemalangan adalah penunggang motorsikal No. Pendaftaran WJU 4938 dan mempunyai alamat penyampaian di No. 29, Felda Kerteh 03,23100, Paka, Terengganu.

[4] Defendan pada masa kemalangan adalah penunggang dan pemilik bagi motorsikal No. Pendaftaran JUF 985 dan mempunyai alamat penyampaian di Lot 133, Kampung Baru Cenderawasih, Sungai Miang, 26600 Pekan Pahang.

[5] Kes ini melibatkan pertikaian antara Plaintiff dan Defendan berhubung dengan kemalangan yang berlaku pada 5 Jun 2021 sekitar jam 6.20 petang di Jalan Kuantan By-Pass. Kemalangan ini melibatkan dua buah motorsikal, iaitu motorsikal jenis Modenas Kriss milik Plaintiff (No. Pendaftaran WJU 4938) dan motorsikal jenis Solarits milik Defendan (No. Pendaftaran JUF 985). Kemalangan tersebut mengakibatkan kecederaan serius pada Plaintiff, manakala Defendan juga mengalami kecederaan dan kerosakan pada motorsikalnya.

Versi Plaintiff

[6] Plaintiff menyatakan bahawa pada tarikh kejadian, beliau sedang menunggang motorsikalnya secara sah di jalan yang dilaluinya, dari Gebeng menuju ke Taman Tas. Setibanya di lokasi kemalangan, sebuah motorsikal di hadapan Plaintiff telah melakukan brek mengejut. Sebagai tindak balas, Plaintiff juga menekan brek, yang mengakibatkan beliau



hilang kawalan dan terjatuh. Semasa dalam keadaan terjatuh, motorsikal milik Defendan yang dipandu oleh Defendan telah melanggar motorsikal Plaintiff, menyebabkan Plaintiff mengalami kecederaan yang parah.

Versi Defendan

[7] Sebaliknya, Defendan menyatakan bahawa beliau sedang memandu motorsikalnya dari Pelabuhan Kuantan menuju ke Pekan Rompin, Pahang. Setibanya di kawasan kejadian, beliau mendakwa sebuah motorsikal, iaitu motorsikal Plaintiff, tiba-tiba terjatuh di hadapannya. Defendan mengatakan beliau sempat menekan brek, tetapi tetap terlanggar motorsikal Plaintiff yang jatuh, yang menyebabkan Defendan juga terjatuh dan mengalami kecederaan.

Dapatan Mahkamah

[8] Mahkamah merujuk kepada Seksyen 101 (1) Akta Keterangan 1950, beban pembuktian sesuatu kes sepanjang perbicaraan terletak di atas bahu Plaintiff dan akan berpindah kepada Defendan selepas beban tersebut dilepaskan. **Seksyen 101 (1) Akta Keterangan 1950** menyatakan seperti berikut:

“(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang, dengan bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.



(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.”

[9] Di dalam kes di Mahkamah Persekutuan iaitu **WONG THIN YIT V. MOHAMED ALI [1971] 1 LNS 151; [1971] 2 MLJ 175**, Mahkamah telah menyatakan seperti berikut:

"In a negligence action the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant gives evidence. The plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence.."

[10] Selain itu juga, Mahkamah ini adalah terikat untuk mengaplikasi prinsip yang telah dinyatakan di dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu **HONG YIK TRADING v. LIZIZ PLANTATION SDN BHD [2017] 8 CLJ 491** yang telah menggariskan pemakaian **Seksyen 101 (1) Akta Keterangan 1950** seperti berikut:

“[12] It is settled law that the burden of proof rests throughout the trial on the party who asserts that the facts exist (s. 101 of the Evidence Act 1950). Where a party on whom the burden of proof lies has discharged that burden, then the evidential burden shifts to the other party. However, if the party on whom the burden of proof lies fails to discharge it, the other party need not call any evidence.”



[11] Prinsip ini juga ditegaskan dalam kes **SELVADURAY V. CHINNIAH [1939] 1 LNS 107; [1939] 1 MLJ 253**, di mana Mahkamah menyatakan bahawa jika pada akhir perbicaraan tiada kecondongan yang memihak kepada Plaintiff, maka tuntutan Plaintiff perlu ditolak kerana gagal membuktikan kesnya berdasarkan tahap bukti yang dikehendaki.

[12] Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff dalam kes ini mesti membuktikan secara jelas bahawa kemalangan berlaku akibat kecuaiian Defendan, berdasarkan fakta dan bukti yang relevan. Setelah beban awal ini dipenuhi, barulah beban pembuktian beralih kepada Defendan untuk menyangkal fakta yang ditegaskan.

ISU LIABILITY

[13] Mahkamah telah mendengar keterangan-keterangan saksi dan mengambil kira hujahan pihak-pihak yang terlibat. Isu utama yang perlu diputuskan ialah sama ada Defendan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemalangan tersebut. Ini merupakan penilaian Mahkamah terhadap keterangan saksi-saksi yang dikemukakan.

i) Keterangan Pegawai Penyiasat (SP1)

[14] SP1 menyatakan kemalangan berlaku apabila motorsikal No. Pendaftaran JUF 986 yang ditunggang oleh SD1 melanggar motorsikal No. Pendaftaran WJU 4938 yang ditunggang oleh SP2 dari arah belakang. SP1 turut mengesahkan bahawa kemalangan berpunca daripada tindakan SD1 mengekori terlalu rapat, yang merupakan



pelanggaran Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 (LM166/59).

[14] SD1 telah disaman atas kesalahan tersebut. Keterangan ini tidak dicabar, dan Mahkamah menerima dapatan SP1 sebagai bukti kukuh bahawa kecuaiian Defendan adalah punca utama kemalangan. Di dalam menentukan samada kenyataan daripada SP1 boleh digunapakai atau tidak, Mahkamah ini merujuk kepada satu kes di Mahkamah Tinggi di dalam kes **PP V. MOHAMED ALI [1962] 1 LNS 129** yang menyatakan seperti berikut:

".....When a Police witness says something that is not inherently improbable his evidence must be in the first instance be accepted. If he says he saw a cow jumping over the moon his evidence is, of course, not to be accepted, but if he says he saw a cow wandering along one of the main streets of Kuala Lumpur (the sort of thing we all see every day of our lives) there is not the slightest justification for refusing to believe him. Of course, if his evidence is contradicted by other evidence or is shaken by cross examination then it becomes the business of the Magistrate to decide whether or not it should be accepted. In the absence of any element of inherent improbability the evidence of any witnesses whether a Police or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted. (emphasized by Court)"



[15] Justeru, menggunakanapakai prinsip ini, Mahkamah memutuskan untuk menerimapakai keterangan yang telah diberikan oleh SP1 bahawa kemalangan berlaku apabila penunggang motorsikal No. Pendaftaran WJU 4938 - SP2 dilanggar dari arah belakang oleh penunggang motorsikal No. Pendaftaran JUF 986 – SD1 yang didapati cuai kerana mengekori rapat kenderaan sehingga menyebabkan kemalangan berlaku.

ii) **Keterangan (SP2)**

[16] SP2, memberi keterangan bahawa beliau dilanggar dari arah belakang oleh motorsikal SD1. Keterangan ini konsisten dengan siasatan SP1 dan menguatkan dapatan bahawa SD1 gagal mengekalkan jarak selamat, menyebabkan pelanggaran berlaku. Mahkamah merujuk kepada kes **MISKINAH JAYA & ORS. v. MOHAMED SALLEH & ANOR. [1983] 2 CLJ 267** yang menyatakan seperti berikut:

*“I have had no satisfactory explanation of how it came about that when the defendant denied a collision, his pleading admits it. Having expressed it as my opinion that the defendant struck me as a witness of truth, **it is with some regret that I must find that his lack of knowledge of any accident must imply a finding that he was driving without due care and attention; and had not been keeping a proper look-out. On this count alone, some negligence must be laid at his door.**”*



[17] SP2 mengalami kecederaan serius termasuk patah tulang selangka kiri dan kecederaan tisu lembut, yang telah disahkan oleh laporan perubatan. Kecederaan ini juga memberi kesan terhadap kerjayanya sebagai pemandu lori. Tiada bukti yang menunjukkan SP2 menyumbang kepada kemalangan tersebut. Maka, Mahkamah percaya SP2 telah menunggang dengan berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya pada masa kejadian.

iii) Keterangan (SD1)

[18] SD1 menyatakan bahawa beliau sedang menunggang motosikalnya dari Pelabuhan Kuantan menuju ke Pekan Rompin, Pahang. Setibanya di kawasan kejadian, beliau mendakwa motorsikal SP2 tiba-tiba terjatuh di hadapannya. SD1 mengatakan beliau sempat menekan brek, tetapi tetap melanggar motosikal SP2 yang jatuh, menyebabkan beliau turut terjatuh dan mengalami kecederaan.

[19] Berdasarkan naratif ini, Mahkamah mendapati alasan yang diberikan oleh SD1 tidak mencukupi untuk mengecualikan liabilitinya, maka kegagalannya untuk mengelak pelanggaran tersebut telah terjumlah kepada satu bentuk kecuaiian. Berdasarkan keterangannya, beliau hanya membuat laporan polis selepas 25 hari dari tarikh kemalangan. Mahkamah memutuskan bahawa kelewatan beliau di dalam membuat laporan polis juga mencerminkan satu bentuk keculasan di dalam melaksanakan salah satu tanggungjawab awam di samping turut memberi kesan dan impak di dalam tahap penerimaan keterangannya.



[20] Mahkamah ini merujuk kepada kes di Mahkamah Persekutuan **KARTHIYAYANI V LEE LEONG SIN [1975] 1 MLJ 119**, Hakim Raja Azlan Shah menyatakan seperti berikut:

‘... The main test as to whether there has been a delay in making the report is whether it was made as early as can reasonably be expected in the circumstances of the case and before there is opportunity for tutoring or concoction. This, in my opinion, is also a circumstance tending to affect a witness’s impartiality, hence his veracity which must be taken into account in arriving at a decision.

The learned judge should have borne in mind that the police report was not made at or about the time of the accident; it was made some four days later, i.e., after police investigation has commenced. It is therefore not a first information report and consequently its effect as corroborative evidence must be tested by reference to the probabilities of the case. I feel there was a misdirection by the learned judge.”

UNDANG-UNDANG DAN PRINSIP YANG DIGUNAPAKAI

Kegagalan Mengawal Kenderaan

[21] Mahkamah merujuk kepada kes **CHANG CHONG FOO & ANOR V SHIVANATHAN [1992] 2 MLJ 473** yang menyatakan seperti berikut:



“With regard to the learned judge’s admission of the fact that the defendant had pleaded guilty to a charge of dangerous driving we would refer to two decisions of Raja Azlan J (as he then was):

*In **CHOCK KEK LING V PATT HUP TRANSPORT CO LTD & ORS [1966] 1 MLJ 120** where he said at p 121:*

*Evidence was brought to show that the fourth defendant had pleaded guilty to driving without due care and attention in respect of the accident. **Although this was not conclusive evidence of the fourth defendant’s negligence, it is an admissible admission which supports the plaintiff’s case and which weighs against the fourth defendant:** Noor Mohamed v Palanivelu [1956] MLJ 114.*

*And **IN LIM AH TOH V ANG YAU CHEE & ANOR [1969] 2 MLJ 194** where he said at p 196:*

***The plea of guilty by the first defendant to a charge of inconsiderate driving is an admissible admission which further supports the plaintiff’s case and which weighs against the defendants:** see Noor Mohamed v Palanivelu; EA Long v Wong Chin Wah.*

[22] Dalam kes ini, keterangan SP1 menegaskan bahawa SD1 telah gagal mengawal motosikalnya sehingga melanggar motosikal SP2 dari



arah belakang. SD1 tidak dapat menunjukkan bukti bahawa terdapat halangan luar biasa atau keadaan yang menghalangnya daripada mengekalkan kawalan terhadap motosikalnya.

[23] Bukan itu sahaja, penelitian terhadap kerosakkan kenderaan-kenderaan yang terlibat juga mendapati bahawa motorsikal SP2 mengalami kerosakkan terhadap *speedometer*, *cover set*, lampu belakang, dan cermin sisi kiri. Manakala, kerosakan kenderaan SD1 pula terdapat kerosakkan terhadap *fork* hadapan, *cover set*, cermin kiri sisi dan kanan, dan *handle* bengkok. Kerosakkan ini adalah selari dengan versi SP2 bahawa motorsikalnya dilanggar daripada arah belakang sehingga mengakibatkan kemalangan.

Kewajipan Menjaga Jarak Selamat

[24] Kegagalan SD1 mematuhi undang-undang jalan raya telah mengakibatkan beliau disaman di bawah Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 mengukuhkan dapatan Mahkamah bahawa SD1 gagal menjaga jarak yang selamat antara kenderaannya dan motosikal di hadapan. Keterangan SP2 dan SP1 mengesahkan bahawa Defendan telah mengekori terlalu rapat dan berkemungkinan laju, menyebabkan beliau tidak mempunyai masa atau ruang yang mencukupi untuk mengelak kemalangan apabila keadaan memerlukan tindakan segera.



Kecuaian SD1

[25] Mahkamah menegaskan tanggungjawab setiap pengguna jalan raya adalah untuk memastikan jarak yang mencukupi antara kenderaan mereka dan kenderaan di hadapan. Dalam kes ini, keterangan SP1 dan SP2 menunjukkan bahawa SD1 telah melanggar motorsikal SP2 dari arah belakang, yang membawa kepada dapatan kecuaiian di pihak SD1. SD1 gagal memberikan sebarang alasan atau bukti kukuh untuk menyangkal anggapan ini. Pengakuan SD1 bahawa beliau melanggar motosikal SP2 di bahagian belakang memperkuat dapatan bahawa kemalangan berlaku akibat kecuaiannya sendiri.

SD1 disaman dibawah Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959

[26] SD1 telah melanggar peruntukan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959, yang secara jelas menetapkan bahawa setiap pemandu atau penunggang diwajibkan untuk mengekalkan jarak selamat semasa memandu atau menunggang. Kesalahan ini bukan sahaja melanggar peraturan lalu lintas, tetapi juga membuktikan bahawa kecuaiian SD1 menyumbang secara langsung kepada kemalangan yang berlaku.

[27] Mahkamah berpendapat bahawa akibat keberadaan SD1 yang terlalu dekat dengan kenderaan SP2 yang berada di hadapannya telah menyebabkan ketidakmampuannya untuk berhenti dengan selamat dan akhirnya menyebabkan kemalangan. Justeru, berdasarkan fakta dan



keterangan yang dikemukakan, Mahkamah berpuashati bahawa Defendan bertanggung 100% terhadap kemalangan yang berlaku.

ISU QUANTUM

[28] Di dalam mentaksirkan nilai ganti rugi, Mahkamah mestilah memberikan *award* pampasan yang adil berdasarkan bukti yang kukuh. Di dalam kes di Mahkamah Persekutuan **INAS FAIQAH MOHD HELMI (A CHILD SUIVING THROUGH HER FATHER AND NEXT FRIEND; MOHD HELMI ABDUL AZIZ) V. KERAJAAN MALAYSIA & ORS [2016] 2 CLJ 885**, Abdull Hamid Embong HMP menyampaikan penghakiman mahkamah:

“(1) Adalah undang-undang matan bahawa ganti rugi bertindak sebagai pampasan, bukan ganjaran dan hukuman. Dalam mentaksirkan ganti rugi, mahkamah tidak patut didorong oleh simpati dan memberikan award pampasan yang adil berdasarkan bukti yang kukuh. Mahkamah tidak boleh mengamalkan spekulasi. Penilaian keterangan yang membentuk dasar risiko kerugian masa hadapan harus dilaksanakan. Hakim bicara hanya boleh menilaikan keterangan sedemikian berasaskan standard imbalan kebarangkalian yang telah diiktirafkan, tetapi dengan satu tahap ketentuan lebih rendah berkenaan kejadian kehilangan atau kerugian masa hadapan. Tahap lebih rendah yang dipakai itu adalah sesuai diistilahkan dengan perkataan 'possibility', 'chance', 'risk', 'danger' atau 'likelihood', tetapi, walau apa pun perkataan-perkataan yang



digunakan dan semantiknya, mereka mestilah pada dasarnya bersifat substantif dan bukan spekulatif.”

[29] Mahkamah juga merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes **DATUK MOHD ALI HJ ABDUL MAJID & ANOR V. PUBLIC BANK BHD [2014] 6 CLJ 269** yang menyatakan seperti berikut:

“[33] Therefore, in a claim for damages, it is not sufficient for the plaintiff to merely state the amount of damages that he is claiming, he must prove the damage that he had in fact suffered to the satisfaction of the court. This principle is borne out in the case of Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel [1948] 64 TLR 177 where Lord Goddard CJ observed:

Plaintiffs must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damage; it is not enough to write down the particulars, and, so to speak, throw them at the head of the court, saying: 'This is what I have lost, I ask you to give me these damages'. They have to prove it.

This statement was cited with approval by Edgar Joseph JR FCJ in Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v. Plenitude Holdings Sdn Bhd [1995] 1 CLJ 15; [1994] 3 MLJ 777.”



GANTI RUGI AM

[30] Memandangkan laporan perubatan tidak dipertikaikan oleh Defendan, Mahkamah ini mentaksirkan ganti rugi berlandaskan kepada Laporan Perubatan dari Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang bertarikh 19 Januari 2022 seperti berikut:

i) ***Soft tissue injury left wrist – RM5,000-00;***

[31] Plaintiff di dalam kes ini telah memohon sejumlah RM5,000-00 manakala Defendan telah memohon sejumlah RM3,000-00. Mahkamah ini merujuk kepada *Revised Compendium of Personal Injury Awards (2018)* menyatakan bahawa bagi kecederaan ini, jumlah yang dicadangkan adalah RM3,000-00-RM5,000-00. Di dalam kes **NURSHUKURI & SATU LAGI v. MUHAMAD HAFIZUDDIN MUHAMAD RODHY & SATU LAGI [2019] PILRU 16**, Mahkamah telah mengawadkan sebanyak RM5,000.00 bagi kecederaan ini.

[32] Justeru itu, sejumlah RM5,000-00 adalah munasabah dan sesuai.

ii) ***Closed fracture of right clavicle – RM15,000-00***

[33] Plaintiff di dalam kes ini telah memohon sejumlah RM20,000-00 manakala Defendan telah memohon sejumlah RM13,000-00. Mahkamah ini merujuk kepada *Revised Compendium of Personal Injury Awards (2018)* menyatakan bahawa bagi kecederaan ini, jumlah yang dicadangkan adalah RM13,000-RM28,000-00. Merujuk kepada kes



AMIRA HUSNA AHMAD NAZIR v. ABDULLAH MAT TAHIR [2023] CLJU 1005, Mahkamah telah mengawadkan sebanyak RM20,000.00 bagi kecederaan *closed fracture to midshaft left clavicle*.

[34] Maka, pada hemat Mahkamah, sejumlah RM15,000-00 adalah munasabah dan sesuai.

GANTI RUGI KHAS

[35] Di dalam menentukan jumlah yang patut diberikan, Mahkamah ini menggunakan prinsip yang diketengahkan di dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu **NGOOI KU SIONG & ANOR V. AIDIL ABDULLAH [1984] 1 CLJ REP 294; [1984] 1 MLRA 200**, Hakim Mahkamah Persekutuan, Syed Agil Barakbah telah menyatakan seperti berikut: -

"Special damages on the other hand have to be specifically pleaded and strictly proved. They refer to past expenses and loss of earnings. The exact loss must be pleaded where the precise amount of item has become clear before the trial. Loss of future earnings or post-trial loss differs from pre-trial loss which comes under special damages. The reason that special damages have to be specifically pleaded is in order to comply with its object which is to crystallize the issue and to put the defendants on their guard and tell them what they have to meet when the case comes on trial..."



i) Kos laporan perubatan HTAA – RM40-00;

[36] Memandangkan Defendan tiada bantahan terhadap jumlah ini, Maka Mahkamah membenarkan sejumlah RM40-00.

ii) Kos carian JPJ – RM10-00;

[37] Memandangkan Defendan tiada bantahan terhadap jumlah ini, Maka Mahkamah membenarkan sejumlah RM10-00.

Kesimpulan

[38] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi, eksibit-eksibit dan mengambil kira hujahan-hujahan yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak, maka atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah membenarkan tuntutan Plaintiff seperti berikut:

ISU LIABILITY:

Mahkamah memutuskan bahawa Defendan bertanggungjawab cuai sebanyak 100%.

ISU QUANTUM:

Mahkamah membenarkan para 8, item a), b), c), d) dan e) di Pernyataan Tuntutan seperti berikut:



GANTI RUGI AM

- 1) *Soft Tissue Injury Left Wrist* dibenarkan sebanyak RM5,000-00; dan
- 2) *Closed Fracture Left-Clavicle* dibenarkan sebanyak RM15,000-00.

GANTI RUGI KHAS PLAINTIF

- 1) Kos Laporan Perubatan dibenarkan sebanyak RM40-00; dan
- 2) Kos Carian JPJ dibenarkan sebanyak RM10-00;

Manakala, item o dan t ditolak.

Maka dengan ini, Mahkamah membenarkan tuntutan seperti berikut:

- (a) Gantirugi Am sebanyak RM20,000.00
- (b) Ganti Rugi Khas sebanyak RM50-00;
- (c) Faedah seperti diplidkan; dan
- (d) Kos bagi tindakan ini mengikut skala mengikut KKM 2012.

BERTARIKH: 28^{HB} NOVEMBER 2024



(NOR IZZATI BINTI ZAKARIA)

Majistret

Mahkamah Majistret

Kuantan, Pahang



Peguam:

Plaintif: Muhammad Syamil bin Zahari daripada Tetuan Faizal H. & Co.

Defendan: Jagjit Singh daripada Tetuan Jagjit Singh & Co.

Kes-kes yang dirujuk:

- 1) *WONG THIN YIT V. MOHAMED ALI* [1971] 1 LNS 151; [1971] 2 MLJ 175;
- 2) *HONG YIK TRADING v. LIZIZ PLANTATION SDN BHD* [2017] 8 CLJ 491;
- 3) *SELVADURAY V. CHINNIAH* [1939] 1 LNS 107; [1939] 1 MLJ 253;
- 4) *PP V. MOHAMED ALI* [1962] 1 LNS 129;
- 5) *MISKINAH JAYA & ORS. v. MOHAMED SALLEH & ANOR.* [1983] 2 CLJ 267;
- 6) *KARTHIYAYANI V LEE LEONG SIN* [1975] 1 MLJ 119;
- 7) *CHANG CHONG FOO & ANOR V SHIVANATHAN* [1992] 2 MLJ 473;
- 8) *CHOCK KEK LING V PATT HUP TRANSPORT CO LTD & ORS* [1966] 1 MLJ 120;
- 9) *IN LIM AH TOH V ANG YAU CHEE & ANOR* [1969] 2 MLJ 194;
- 10) *INAS FAIQA MOHD HELMI (A CHILD SUING THROUGH HER FATHER AND NEXT FRIEND; MOHD HELMI ABDUL AZIZ) V. KERAJAAN MALAYSIA & ORS* [2016] 2 CLJ 885;
- 11) *DATUK MOHD ALI HJ ABDUL MAJID & ANOR V. PUBLIC BANK BHD* [2014] 6 CLJ 269;
- 12) *NURSHUKURI & SATU LAGI v. MUHAMAD HAFIZUDDIN MUHAMAD RODHY & SATU LAGI* [2019] PILRU 16;
- 13) *AMIRA HUSNA AHMAD NAZIR v. ABDULLAH MAT TAHIR* [2023] CLJU 1005; dan



14) *NGOOI KU SIONG & ANOR V. AIDIL ABDULLAH [1984] 1 CLJ REP 294; [1984] 1 MLRA 200.*

Perundangan yang dirujuk:

Seksyen 101 (1) Akta Keterangan 1950

Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959

